



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Lembaga Peperiksaan

KUPASAN MUTU JAWAPAN

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
(SPM)TAHUN 2020

SEJARAH KERTAS 2

1249/2

1.0 INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kod Mata Pelajaran	:	1249/2
Bentuk Ujian	:	Ujian Subjektif
Markah Penuh	:	100 Markah
Masa	:	2 Jam 30 Minit

1.1 REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kertas soalan ini mengandungi 2 bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.

Bahagian A	:	Terdiri daripada 4 soalan struktur. Calon wajib menjawab semua soalan. Setiap soalan memperuntukkan 10 markah.
Bahagian B	:	Terdiri daripada 7 soalan esei. Calon perlu menjawab 3 soalan sahaja. Setiap soalan memperuntukkan 20 markah.

2.0 BAHAGIAN A

2.1 PRESTASI CALON BAHAGIAN A

2.1.1 Prestasi Keseluruhan

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam subjek Sejarah 1249/2 peperiksaan SPM pada tahun 2020 berada pada tahap sederhana sahaja. Terdapat ramai calon yang kurang menguasai fakta-fakta sejarah menyebabkan jawapan yang diberikan adalah secara umum sahaja. Selain itu, masih ramai calon yang kurang menguasai maksud, konsep dan istilah sesuatu peristiwa sejarah. Kegagalan calon mengingat dan memahami konsep serta istilah tersebut akan mengakibatkan kualiti jawapan yang dikemukakan agak sederhana sifatnya.

2.1.2 Prestasi Mengikut Kumpulan

Kumpulan Prestasi Tinggi

Calon dalam kumpulan ini mampu memberikan fakta dengan tepat berdasarkan kehendak tugas. Bagi soalan kemahiran aras tinggi, calon dapat menyatakan fakta yang mencukupi dan terdapat juga calon yang mampu menghuraikan fakta tersebut dengan berkesan. Penguasaan bahasa yang digunakan calon agak baik. Sehubungan itu, calon berupaya menghuraikan fakta dengan agak terperinci.

Kumpulan Prestasi Sederhana

Calon dalam kumpulan ini hanya mampu memberikan sebahagian sahaja daripada kehendak tugas. Sebahagian besar calon cenderung menjawab berdasarkan pemikiran logik akal tanpa menghubungkaitkannya dengan fakta sejarah yang telah dipelajari. Laras bahasa yang digunakan juga kurang memuaskan.

2.2 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN A

Soalan 1 (a)

1 Tamadun awal dunia yang utama dibangunkan di sepanjang sungai.

Sumber: <http://www.unesco.org>

(a) Nyatakan **tiga** tamadun awal dunia yang berpusat di sungai utama.

(i)

(ii)

(iii)

Soalan memerlukan calon menyatakan tiga tamadun awal dunia yang berpusat di sungai utama.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

1 Tamadun awal dunia yang utama dibangunkan di sepanjang sungai.

Sumber: <http://www.unesco.org>

(a) Nyatakan **tiga** tamadun awal dunia yang berpusat di sungai utama.

(i) Tamadun Mesopotamia.....

(ii) Tamadun Mesir Purba.....

(iii) Tamadun Huang Hu.....
~~Tamadun India~~

Calon dapat menyatakan dengan **tepat** tiga tamadun awal yang berpusat di sungai utama.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

1 Tamadun awal dunia yang utama dibangunkan di sepanjang sungai.

Sumber: <http://www.unesco.org>

(a) Nyatakan **tiga** tamadun awal dunia yang berpusat di sungai utama.

(i) Tamadun Mesir Purba.....

(ii) Tamadun India.....

(iii) Tamadun Rom.....
Tamadun Mesopotam

Calon hanya dapat menyatakan dua daripada tiga tamadun awal yang berpusat di sungai utama. Jawapan tamadun Rom adalah salah kerana bukannya tamadun awal di dunia. Sepatutnya calon harus menguasai empat tamadun awal dunia yang berpusat di lembah sungai.

Soalan 1 (b)

(b) Senaraikan **tiga** sungai utama yang menjadi pusat tamadun awal dunia.

(i)

(ii)

(iii)

Tugasan meminta calon menyenaraikan tiga sungai utama yang menjadi pusat tamadun awal dunia.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

(b) Senaraikan **tiga** sungai utama yang menjadi pusat tamadun awal dunia.

(i) *Sungai Tigris*

(ii) *Sungai Nil*

(iii) *Sungai Huang Ho*

~~Sungai Indus~~

Calon dapat menyenaraikan tiga sungai utama yang menjadi pusat tamadun awal dunia dengan betul.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

(b) Senaraikan **tiga** sungai utama yang menjadi pusat tamadun awal dunia.

(i) *Sungai Nil*

(ii) *Sungai Harappah*

(iii) *Sungai Indus*

Calon dapat menyenaraikan dua daripada tiga sungai utama yang menjadi pusat tamadun awal dunia. Harappah adalah nama bandar dalam tamadun awal Indus bukannya sungai. Calon mesti mengenal pasti nama sungai yang menjadi pusat pembentukan tamadun awal manusia.

Soalan 1 (c)

- (c) Mengapakah kawasan di lembah sungai tersebut dipilih sebagai petempatan oleh manusia dalam tamadun awal?

.....
.....
.....
.....
.....

Calon dikehendaki menjelaskan sebab lembah sungai dipilih sebagai petempatan oleh manusia dalam tamadun awal.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

- (c) Mengapakah kawasan di lembah sungai tersebut dipilih sebagai petempatan oleh manusia dalam tamadun awal?

Kerana mempunyai kawasan yang subur untuk aktiviti pertanian.
Mempunyai kemudahan seperti sungai yang membantu aktiviti pertanian
mudah padi. Memberikan hasil tangkapan ikan di sungai memudahkan
keperluan penduduk. Mengetahui belahan air yang menakipi dan
untuk kegunaan harian seperti membasuh pakaian dan mandi

Calon dapat mengemukakan sebab lembah sungai dipilih sebagai petempatan oleh manusia tamadun awal dengan tepat. Calon dapat menghuraikan sebab tersebut secara mendalam.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

c) kawasan di lembah sungai dipilih sebagai petempatan
oleh manusia dalam tamadun awal kerana mempunyai
sumber perairan yang digunakan untuk mengairi
kawasan pertanian.
Selain itu kawasan di lembah sungai adalah subur.

Calon hanya dapat mengemukakan **dua isi** daripada empat isi yang sepatutnya. Calon perlu mengemukakan **isi** dan **huraian tambahan**.

Soalan 2 (a) (i)

2 (a) Mengapakah kerajaan berikut berkembang sebagai kerajaan maritim?

(i) Kedah Tua

.....
.....

Calon dikehendaki menyatakan sebab Kerajaan Kedah Tua boleh berkembang sebagai sebuah kerajaan maritim.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

2 (a) Mengapakah kerajaan berikut berkembang sebagai kerajaan maritim?

(i) Kedah Tua

Mempunyai Gunung Jerai yang menjadi panduan kepada para pedagang. Mempunyai tempat penginapan barangan dagang daripada seluruh dunia. Mempunyai tempat pelabuhan yang strategik menandakan kapal berlabuh. Pusat kegiatan perdagangan dan memungut hasil hutan.

Calon dapat menyatakan sebab Kedah Tua berkembang sebagai kerajaan maritim dengan tepat dan menepati kehendak tugas.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

2 (a) Mengapakah kerajaan berikut berkembang sebagai (kerajaan maritim)?

(i) Kedah Tua

Kedah Tua mempunyai kawasan perikanan yang baik untuk menanam padi. Serta tempat ini sangat sesuai kerana sebagai terlindung daripada tupan angin monsun. Dan juga ia adalah tempat yang strategik.

Calon hanya dapat memberikan sebahagian daripada kehendak tugas. Sepatutnya calon perlu tahu membezakan ciri-ciri kerajaan maritim dengan kerajaan agraria.

Soalan 2 (a) (ii)

(ii) Srivijaya

.....
.....

Calon dikehendaki menyatakan sebab Kerajaan Srivijaya boleh berkembang sebagai sebuah kerajaan maritim.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

(ii) Srivijaya

Mempunyai tentera laut yang kuat untuk mengawal aktiviti perdagangan. Mempunyai orang yang melir dalam membaiki kapal.
Mempunyai kemudahan patah yang tinggi barang dagangan.
Mempunyai pelabuhan yang luas dan besar.

Calon dapat mengemukakan fakta dan huraian dengan lengkap.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

(ii) Srivijaya

Srivijaya telah ~~depa~~ mempunyai kemahiran membaiki kapal dan mempunyai kawasan perairan yang baik.

Calon dapat mengemukakan satu isi sahaja dan huraian yang diberi tidak tepat. Calon sepatutnya menguasai ciri-ciri sesebuah kerajaan maritim.

Soalan 2 (b)

(b) Malaysia terletak di laluan perdagangan Selat Melaka dan Laut China Selatan.

Jelaskan faedah yang Malaysia peroleh daripada kedudukan strategik tersebut.

.....
.....
.....

Calon dikehendaki menjelaskan faedah yang Malaysia peroleh kerana kedudukannya yang strategik di laluan perdagangan Selat Melaka dan Laut China Selatan.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

(b) Malaysia terletak di laluan perdagangan Selat Melaka dan Laut China Selatan.

Jelaskan faedah yang Malaysia peroleh daripada kedudukan strategik tersebut.

Mendapatkan melibatkan pelaburan ekonomi dengan melabur melalui pasaran antarabangsa. Mendapatkan kemudahan teknologi daripada negara maju. Meningkatkan pendapatan negara dengan ramai orang luar berdagang di Malaysia. Menjadi industri pelancongan antarabangsa. Menarik minat pelancong untuk melancong di Malaysia. Menarik pelabur asing untuk berdagang di pelbagai Malaysia.

Calon berjaya mengemukakan faedah yang diperoleh Malaysia kerana kedudukannya yang strategik di laluan perdagangan Selat Melaka dan Laut China Selatan serta memenuhi kehendak tugas.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

(b) Malaysia terletak di laluan perdagangan Selat Melaka dan Laut China Selatan.

Jelaskan faedah yang Malaysia peroleh daripada kedudukan strategik tersebut.

peroleh
Faedah yang Malaysia peroleh daripada kedudukan strategik tersebut ialah untuk perdagangan mudah menghantar barang-barang dan barang keperluan. ~~Melaka dan Laut dan Laut China Selatan adalah lebih dekat berbanding laluan lain. Mendapat bantuan dari pertolongan dari China Selatan.~~

Calon dapat mengemukakan sebahagian daripada kehendak tugas. Walau bagaimanapun, isi yang diperoleh tidak dihuraikan. Seharusnya fakta memudahkan perdagangan boleh dihuraikan dengan lebih mendalam. Contohnya “dapat menarik pedagang luar yang membawa barang dagangan mereka seperti tembikar”. Sekiranya calon membuat ayat seperti ini, markah bagi huraian dan contoh akan diberikan.

Soalan 3 (a)

- 3 Gambar berikut menunjukkan peristiwa penentangan terhadap J.W.W. Birch di Pasir Salak, Perak pada tahun 1875.



Sumber: *Ipohecho.com.my*

- (a) Bagaimanakah penentangan tersebut berlaku?

.....

.....

.....

.....

Calon dikehendaki menjelaskan peristiwa penentangan penduduk Perak terhadap J.W.W Birch di Pasir Salak pada tahun 1875.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

1) Bentahan terbuka telah dilakukan oleh Sultan Abdullah, Dato Maharaja Iela dan pembesar Melayu. Mereka bermesyuarat di Belaga dan Dato' Maharaja Iela mengambil tanggungjawab membunuh J.W.W Birch. Seorang pegawai British, Mat Kishad telah dibunuh di Pasir Salak semasa menampal poster cukai.

Calon dapat menjelaskan peristiwa penentangan penduduk Perak terhadap J.W.W Birch di Pasir Salak pada tahun 1875 mengikut kehendak tugasan.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

(a) Bagaimanakah penentangan tersebut berlaku?

Dato Maharaja Iela menentang tentam J.W.W Birch kepada ~~menat~~
mencabuli adat. Dato Maharaja Iela membunuh tentam british dan bersama
rakan-rakannya - J.W.W Birch menentang kemaraan Dato Maharaja Iela
di Pasir Salak.

Calon hanya memberikan satu fakta mengenai penentangan tersebut. Isi yang ditulis adalah berkaitan sebab penentangan bukannya cara penentangan. Terdapat kesalahan fakta sejarah. Calon sepatutnya menulis peristiwa penentangan orang Melayu Perak terhadap J.W.W Birch.

Soalan 3 (b)

(b) Mengapakah penentangan tersebut berlaku?

.....
.....
.....
.....

Calon dikehendaki menjelaskan sebab-sebab penentangan terhadap J.W.W Birch berlaku.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

(b) Mengapakah penentangan tersebut berlaku?

Penentangan ini berlaku kerana J.W.W Birch datang ke Perak dan mengubah cara adat orang Perak. Selain itu, mengenakan cukai yang tinggi serta merampas kuasa Datu Maharaja Iela sebagai pemimpin di sana.

Calon dapat menjelaskan dengan tepat sebab penentangan penduduk Perak terhadap J.W.W Birch di Pasir Salak pada tahun 1875 mengikut kehendak tugas.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

(b) Mengapakah penentangan tersebut berlaku?

J.W.W Birch mencabuli adat istiadat Perak. J.W.W Birch mengenakan pajak gadi dan tanah kepada penduduk. Pihak british mengenakan cukai yang tinggi kepada penduduk dan pembesar.

Calon dapat mengemukakan sebahagian daripada kehendak tugas. Calon seharusnya mengingat dan menyenaraikan sebab-sebab penentangan tersebut berlaku.

Soalan 3 (c)

(c) Jelaskan kesan penentangan tersebut terhadap negeri Perak.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

Calon dikehendaki menyatakan kesan penentangan tersebut terhadap negeri Perak.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

i) Kesan penentangan ialah pembesar-pembesar dibukung bunihi dan British menghantar pegawai baru. Pertadbiran British semakin kuat serta rakyat tidak mampu menentang. Seterusnya, segala hasil labang lambang dibawa balik ke negara mereka dan memperoleh keuntungan.

Calon menjelaskan kesan penentangan tersebut terhadap negeri Perak dengan memenuhi kehendak tugas.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

(c) Jelaskan kesan penentangan tersebut terhadap negeri Perak.

Kesan penentangan yang akan berlaku di negeri Perak ialah permusnahan harta benda. Seterusnya berlaku banyak kerosakkan alam sekitar. Kesannya negeri Perak akan berlakunya kerugian yang besar terhadap penentangan yang berlaku.

Calon mengemukakan jawapan secara umum sahaja. Calon sepatutnya menulis kesan penentangan orang Melayu tersebut terhadap penduduk serta pemerintah di negeri Perak.

Soalan 4 (a)

4 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah ditandatangani pada 15 Ogos tahun 1957.

(a) Nyatakan **tiga** isi perjanjian tersebut.

- (i)
- (ii)
- (iii)

Calon dikehendaki menyatakan tiga isi Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

4 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah ditandatangani pada 15 Ogos tahun 1957.

(a) Nyatakan **tiga** isi perjanjian tersebut.

- (i) bahasa melayu sebagai bahasa rasmi kebangsaan
- (ii) agama islam sebagai agama rasmi persekutuan
- (iii) Yang Di Pertuan Agung menjadi ketua negara
ketakwaan secara sama rata

Calon dapat menyatakan tiga isi Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 dengan tepat.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

(a) Nyatakan **tiga** isi perjanjian tersebut.

- (i) Antara tiga isi perjanjian Persekutuan Tanah Melayu adalah Agama islam sebagai agama rasmi
- (ii) Selain itu, setiap masyarakat tidak boleh mengemukakan isu sensitif seperti isu Perkauman
- (iii) Akhir sekali, Bahasa Melayu adalah bahasa rasmi

Calon dapat mengemukakan dua daripada tiga isi Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957. Calon seharusnya menguasai isi perjanjian tersebut.

Soalan 4 (b)

(b) Jelaskan kepentingan perjanjian tersebut terhadap negara dan bangsa Malaysia.

.....
.....
.....
.....

Calon dikehendaki menjelaskan kepentingan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 terhadap negara dan bangsa Malaysia.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

(b) Jelaskan kepentingan perjanjian tersebut terhadap negara dan bangsa Malaysia.

Memberikan hak istimewa orang Melayu secara rasmi. Menpercepatkan proses kemerdekaan tanah air. Membeskan kemerdekaan kepada tanah air dan pada kuasa perisajah. Menghalang British mengamalkan dikep pilih kasih.

Calon menjelaskan kepentingan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 terhadap negara dan bangsa Malaysia mengikut kehendak tugasan.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

Jelaskan kepentingan perjanjian tersebut terhadap negara dan bangsa Malaysia.

Kepentingan perjanjian tersebut terhadap negara dan bangsa Malaysia ialah menyatukan perpaduan secara kaum. Selain itu, masyarakat mengekalkan kedaulatan negara.

Calon dapat menjelaskan dua kepentingan tersebut terhadap negara dan bangsa Malaysia. Calon perlu menguasai kandungan kepentingan perjanjian tersebut.

Soalan 4 (c)

- (c) Mengapakah perjanjian tersebut berjaya ditandatangani?
Gunakan pengetahuan sejarah dan pengetahuan am anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Calon dikehendaki menjelaskan sebab Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 berjaya ditandatangani.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

- (c) Mengapakah perjanjian tersebut berjaya ditandatangani?
Gunakan pengetahuan sejarah dan pengetahuan am anda.

Hai ini kerana, usaha-usaha tokoh kemerdekaan.
Contohnya, Tunku Abdul Rahman dan Tun Hussin
Oin. Selain itu, semangat nasionalisme para
orang Melayu yang tinggi. Di samping itu,
persatuan-persatuan nasionalisme telah
mengatupadatkan menyatupadukan rakyat.

Calon dapat menjelaskan sebab Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 berjaya ditandatangani dengan tepat.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

Perjanjian tersebut berjaya ditandatangani kerana
~~berpada 1957 Dato ONN Jaffar~~ sebelumnya merdeka
tunku Abdul Rahman bertengkas tom bergesa
tergasa - *gasa untek pergi ke London untuk
mendatangi surat untuk Malaysia Merdeka.
Sejak daripada itu semua rakyat bersuara
*mengatakan bersatuju untuk menandatangani
di tandatangi tersebut.

Calon dapat mengemukakan sebahagian daripada kehendak tugas. Fakta diberikan secara umum sahaja berdasarkan pengetahuan am calon. Sepatutnya calon cuba mengaitkan peristiwa perjuangan masyarakat Tanah Melayu sehingga membolehkan perjanjian tersebut dimeterai.

2.3 CADANGAN/SYOR BAHAGIAN A

2.3.1 Calon

- a) Semua tema dan tajuk yang terdapat dalam sukatan mata pelajaran perlu dikuasai oleh calon. Buku teks (Tingkatan 4 dan Tingkatan 5) mestilah menjadi rujukan utama calon.
- b) Namun begitu, bahan-bahan sejarah lain perlu juga dirujuk oleh calon untuk menambahkan pengetahuan sejarah mereka terutamanya untuk menjawab soalan-soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).
- c) Bagi meningkatkan kemahiran menjawab, calon perlu memperbanyakkan latihan. Sebagai contoh, menggunakan soalan-soalan SPM yang sebenar dan soalan-soalan percubaan negeri.
- d) Calon perlu memahami semua kata tugas dalam setiap soalan sebelum memilih soalan yang hendak dijawab. Pengetahuan berkaitan teknik menjawab soalan-soalan Kertas 2 seperti memahami kata tugas dan kehendak soalan juga perlu dikuasai oleh calon.
- e) Calon perlulah terlebih dahulu menyenaraikan isi ringkas atau menyediakan rangka jawapan sebelum menjawab sesuatu soalan. Rangka jawapan dapat membantu calon menguruskan masa yang betul agar tidak berlaku pembaziran masa.

2.3.2 Guru

- a) Pengajaran dan pembelajaran perlu meliputi keseluruhan tema dan tajuk yang terdapat dalam sukatan mata pelajaran. Guru perlu memastikan calon menguasai setiap tajuk yang terdapat dalam buku teks Sejarah Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.
- b) Pelajar perlu didedahkan dengan teknik menjawab soalan yang betul dan tepat.
- c) Guru mestilah memastikan murid tidak menjawab soalan dalam bentuk '*point form*' kerana soalan bahagian A merupakan soalan berbentuk respons terhad. Soalan yang kata tugasnya meminta calon menyenaraikan dan menamakan boleh dijawab tanpa ayat lengkap.
- d) Guru hendaklah merancang pengajaran dan pembelajaran dengan baik terutamanya menyelesaikan sukatan mata pelajaran secepat mungkin supaya ulang kaji dan latihan tubi yang berkesan dapat dilaksanakan dengan berkesan.
- e) Guru mestilah mengajar berdasarkan pendekatan berpusatkan murid dan tidak berpusatkan guru. Guru perlu mengenal pasti kelemahan calon supaya kelemahan tersebut dapat diperbaiki lebih awal di samping mempertingkatkan prestasi mereka dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menarik.

3.0 BAHAGIAN B

3.1 PRESTASI CALON BAHAGIAN B

3.1.1 Prestasi Keseluruhan

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam subjek Sejarah 1249/2 peperiksaan SPM pada tahun 2020 di bahagian esei berada pada tahap sederhana sahaja. Sebahagian besar calon masih kurang menguasai fakta-fakta sejarah. Hal ini menyebabkan jawapan yang diberi adalah secara umum sahaja. Selain itu, masih ramai calon kurang menguasai maksud, konsep dan istilah sesuatu peristiwa sejarah. Kesannya, jawapan yang menghendaki calon menyatakan maksud dan konsep sesuatu peristiwa sejarah tidak mampu dijawab secara berkesan.

3.1.2 Prestasi Mengikut Kumpulan

Kumpulan Prestasi Tinggi

Calon dalam kumpulan ini berupaya menyatakan dan menjelaskan fakta dengan tepat berdasarkan kehendak tugas. Sebahagian besar calon dalam kumpulan ini mampu mengingati fakta dan boleh menghuraikan fakta tersebut dengan baik. Malahan bagi soalan kemahiran aras tinggi pula, calon dalam kumpulan ini dapat menyatakan fakta yang mencukupi dan terdapat juga calon yang mampu menghuraikan fakta tersebut dengan mendalam berserta contoh-contoh yang sesuai. Majoriti calon dalam kumpulan ini mempunyai penguasaan bahasa yang sangat baik. Justeru itu, calon berupaya menghuraikan setiap fakta dengan terperinci dan berkesan.

Kumpulan Prestasi Sederhana

Calon dalam kumpulan ini hanya mampu memberikan sebahagian daripada kehendak tugas. Bermaksud terdapat fakta yang mampu diingat oleh calon. Bagaimanapun, fakta tersebut tidak berjaya dihuraikan dengan mendalam. Ramai juga calon yang cenderung menjawab berdasarkan pemikiran logik akal semata-mata. Laras bahasa yang digunakan juga kurang memuaskan. Hal ini menyebabkan cara mereka memberi hujah dan alasan serta mengemukakan bukti kurang berkesan.

3.2 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN B

Soalan 5 (a)

- 5 Orang Arab pada zaman sebelum Islam berada dalam kegelapan dan kejahilan.

Sumber: <http://www.islam4theworld.net>

(a) Mengapakah kehidupan mereka sedemikian?

Calon dikehendaki menjelaskan sebab masyarakat jahiliah berada dalam zaman gelap dan kejahilan.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

5 (a)	Kehidupan mereka sedemikian kerana tiada ajaran para nabi atau rasul. Seterusnya, mereka menyembah berhala dan mempercayai animisme. Selain itu, tiada kitab atau nabi ^{untuk} yang dijadikan sebagai petunjuk dalam kehidupan mereka. Mereka juga mempunyai si amalan dan sifat yang keji, degil dan angkuh. Akhirnya, mereka mempunyai kurang ilmu pengetahuan.
-------	---

Calon dapat menjelaskan sebab masyarakat jahiliah berada dalam zaman gelap dan kejahilan dengan tepat.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

5.(a)	Kehidupan mereka menjadi sedemikian ialah orang Arab zaman dahulu terlibat dengan perkara-perkara maksiat seperti zina, merompak dan telah ^{menggunakan} menggunakan menggunakan jual beli secara riba kepada pelayagan. Selain itu, orang ^{Arab} Arab dahulu tidak mempunyai pemerintahan yang berwujud untuk mentadbir.
-------	---

Calon hanya dapat menjelaskan sebahagian daripada fakta kehendak tugas. Calon sepatutnya menguasai sebab berlakunya zaman gelap di tanah Arab.

Soalan 5 (b)

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan kehidupan masyarakat Arab pada Zaman Jahiliah.

Wanita itu adalah komoditi yang boleh dipasarkan dan dianggap sebagai harta benda yang tidak bernyawa. Hubungan antara kaum adalah rapuh. Sifat tamak untuk kekayaan dan penglibatan dalam peperangan yang sia-sia adalah matlamat utama yang menentukan dasar kepimpinan mereka sendiri.

Sumber : <https://www.al-islam.org/restatement-history>

Ulasakan maklumat tersebut dalam konteks kehidupan masyarakat Arab pada Zaman Jahiliah.

Calon dikehendaki memberikan ulasan berdasarkan petikan tentang kehidupan masyarakat Arab pada zaman jahiliah.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

5 (b)	<p>Kehidupan masyarakat Arab pada zaman jahiliah adalah masyarakat Arab mengamalkan ^{amalan tidak bermoral} sifat yang keji, seperti berzina, berjudi dan minum arak. Seorang laki lelaki minum arak sehingga mabuk untuk menunjukkan kesempurnaan sebagai lelaki. Seterusnya, kedudukan wanita dalam masyarakat Arab dipandang rendah dan mereka tidak boleh mewarisi harta benda tinggolan ibu bapa. Bayi perempuan di yang baru ditahirkan menanam hidup-hidup kerana dianggap akan menjatuhkan maruah keluarga. Seterusnya, Di samping itu, seorang ^{lelaki} boleh berkahwin dengan beberapa perempuan sekaligus. Masyarakat Arab mengamalkan beberapa kepercayaan seperti wathoni iaitu menyembah berhala, mempercayai animisme iaitu memuja alam seperti pokok, samawi iaitu Yahudi dan Kristian dan kepercayaan menilik nasib, sirih dan serta mempercayai roh orang mati menjadi kurung. Selain itu, aktiviti perniagaan berdasarkan amalan tiba dan penindasan. Di Selanjutnya, pe merompak dan merampas harta benda menjadi pencarian mata. Merompak merupakan kegiatan yang yang wajib dilakukan oleh setiap individu dalam sebuah kabilah. Akhirnya, semangat assabiah assabiah dan kesetuan yang semakin menebal dan merepaka merupakan mereka tinggat dalam dalam berpuat-puat. Peperangan sering berlaku di antara satu kabilah dengan kabilah yang lain walaupun pertara kecil.</p>
-------	--

Calon dapat membuat ulasan dengan tepat berkaitan kehidupan masyarakat Arab pada zaman jahiliah. Calon berjaya mengulas jawapan berpandukan maklumat yang diberi dalam stimulus.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

(b) Konteks kehidupan ^{masyarakat} masyarakat Arab pada zaman Jahiliyah ialah wanita harus di bawah kerana orang Arab zaman itu menganggap anak perempuan sebagai suatu ^{memberi} ~~barang~~ salah pada keluarga. Selain itu, ^{dipasarkan,} wanita juga ialah komoditi yang dibereikan ~~di~~ dipasarkan. Orang Arab juga menganggap wanita sebagai ~~barang~~ harta benda yang tidak bernyawa. Pada zaman Jahiliyah di Arab hubungan antara kaumnya telah ~~erat~~ rapuh dengan adanya ^{sifat} tamak kepada kekayaan yang dan ^{Orang} ~~orang~~ Arab juga telah melibatkan diri dalam ~~perang~~ peperangan yang adalah matkumatt utama mereka ialah menentukan dasar ^{kepimpinan} ~~perjuangan~~ mereka tersendiri.

Ulasan yang diberi oleh calon tidak merangkumi semua aspek dalam tugas soal berkaitan wanita, hubungan antara kaum, ekonomi dan kepimpinan. Sepatutnya calon memberi ulasan ke atas setiap aspek tersebut secara terperinci.

Soalan 5 (c)

(c) Masih wujudkah ciri-ciri jahiliah pada abad ke-21 ini?

Beri pandangan dan penjelasan anda.

Calon dikehendaki memberikan pandangan mengenai kewujudan ciri-ciri jahiliah pada abad ke-21.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

5 (c)	<p>Pada pendapat saya, ciri-ciri jahiliah masih wujud pada abad ke-21 ini iaitu amalan tidak bermoral seperti berzina, berjudi, minum arak yang diamalkan oleh oleh masyarakat Arab. Contohnya, gejala sosial seperti minum arak, merokok, penagihan dadah dan vandalisme masih berlaku dalam kalangan masyarakat pada masa kini. Seterusnya, aktiviti pemiagaan yang berasaskan amalan riba dan penindasan yang dilatuhkan oleh orang Arab masih diamalkan. Sebagai contoh, peniaga menggunakan amalan riba dalam harga barang jualan barang, kualiti barang dan kualiti barang tersebut. Selain itu, lelaki lelaki lelaki pada zaman jahiliah boleh berkahwin dengan beberapa wanita setaligir. Pada zaman ini, lelaki ^{seorang} lelaki masih berkahwin dengan beberapa wanita tanpa mengikut syarat. Selanjutnya, pada masa ini terdapat beberapa wanita yang tidak membolehkan ^{dibenarkan} bekerja pada zaman ini. Selanjutnya, terdapat beberapa wanita yang masih tidak dibenarkan untuk bekerja. Akhirnya, merompak dan metampasan masih kekal di pada zaman ini.</p>
-------	---

Calon dapat memberikan pandangan dan penjelasan dengan tepat bahawa masih terdapat ciri-ciri jahiliah yang diamalkan pada masa kini.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

(c)	<p>Pada pandangan saya, ciri-ciri jahiliah ada ^{masih} wujud pada abad ke-21 ini kerana rakyat kini masih mengamalkan jual beli yang adanya ada unsur riba. Walaupun kita hampir mencapai pembangunan yang pesat pada abad ke-21 tetapi masih ada lagi rakyat yang melakukan perlakuan maksiat. Contohnya, zina, menjeri, merogol dan pelbagai ke perbara maksiat yang berlaku pada masa kini. Selain itu, kini masih bertukanya perkahwinan.</p>
-----	--

Calon dapat mengemukakan pendirian dan menjelaskan sebahagian daripada ciri-ciri zaman jahiliah yang masih berlaku pada masa kini. Calon sepatutnya menghuraikan ciri-ciri tersebut dengan lebih mendalam.

Soalan 6 (a)

6 Maklumat berikut berkaitan dengan Kerajaan Bani Abbasiyah.

Ketika Eropah meraba-raba sepanjang Zaman Gelap, para ilmuwan dalam pelbagai bidang berkumpul atau dijemput ke Bait al-Hikmah di Baghdad untuk memelihara pengetahuan tentang tamadun klasik dan membuat kemajuan dalam banyak disiplin akademik yang masih relevan hingga ke hari ini.

Sumber : <https://study.com/academy/lesson/muslim-learning-scientific-artistic-medical-literary>

(a) Bagaimanakah kerajaan Bani Abbasiyah dibentuk?

Calon dikehendaki menerangkan cara kerajaan Bani Abbasiyah dibentuk.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

soalan 6

a) Kerajaan Bani Abbasiyah terbentuk kerana sekumpulan golongan Muslim untuk memulakan kerajaan Bani Umayyah. Kerajaan ini diwujudkan oleh Ali bin Abdullah, mereka mengadunikan kempen ahli-ahli dengan menggunakan nama keluarga Nabi Muhammad. Kerajaan ini dibentuk dengan kehendak ulama dan kaum tertentu. Mereka untuk menafikan nilai penaklukan Islam. Perantaraan melalui pelaksanaan sistem manajerial. Akhir sekali kerajaan Abbasiyah diambil dari nama seorang nabi Islam Abbas.

Calon dapat menerangkan cara pembentukan kerajaan Bani Abbasiyah dengan tepat.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

a) Kerajaan Bani Abbasiyah dibentuk selepas kejatuhan kerajaan Bani Umayyah. Bani Abbasiyah diwujudkan oleh Harun ar-Rashid. Sistem pentadbiran yang digurakan adalah sistem wazarah dan sistem warisan. Sistem ini memeringkatkan golongan Arab untuk memerintah.

Calon hanya mampu memberikan sebahagian daripada kehendak tugas. Calon keliru antara kerajaan Bani Umayyah dengan kerajaan Bani Abbasiyah. Calon sepatutnya dapat membezakan cara pembentukan kedua-dua kerajaan tersebut.

Soalan 6 (b)

- (b) Terangkan peranan Bait al-Hikmah/baitulhikmah dalam memelihara pengetahuan dan membuat kemajuan dalam bidang keilmuan.

Calon dikehendaki menerangkan peranan Bait al-Hikmah dalam memelihara pengetahuan dan membuat kemajuan dalam bidang keilmuan.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

b) Peranan Bait al-Hikmah dalam kemajuan ilmu pada zaman itu berfungsi sebagai pusat intelektual. Bait-al-Hikmah telah mewujudkan insansi perustaraan dan pengajian tinggi bagi semua penduduk dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dalam diri. Selain itu Bait al-Hikmah menjadi pusat perjumpaan para ilmuwan untuk membahaskan masalah atau hukum keadilan yang menjadi persoalan penduduk.

Sesungguhnya, antara peranan lain ialah menjadi pusat penyelidikan falsafah Yunani ke arah penterjemahan arab. Ini kerana bertujuan untuk memudahkan penduduk memahami ilmu falsafah yang terkandung dalam buku tersebut. Akhir sekali Bait al-Hikmah menjadi pusat kemajuan menulis dan membaca. Sebagai contoh, bagi para ilmuwan mereka akan melukiskan kegiatan menulis seperti mencatat segala idea, mengumpulkannya sebagai bahan ilmiah dan mengarangkannya. Oleh itu, Bait al-Hikmah amat penting sejak untuk memberi dan menambahkan ilmu pengetahuan sedia menjadi faktor kemajuan negara.

Calon berupaya menerangkan peranan Bait al-Hikmah dengan mengemukakan fakta beserta huraian yang lengkap.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

b) Baitulhikmah ialah perpustakaan. Segala kerja penterngeman dilakukan di situ. Hal ini diketuai oleh para ilmuan dan ulama. seterusnya, hasil karya, kitab-kitab dan warisan disimpan di tempat tersebut. Hal ini untuk dijadikan rujukan pada generasi akan datang. seterusnya menjadi pusat pendidikan yang dapat melahirkan generasi yang hebat. Sebagai contoh, doktor dan ilmuan lain. Selain itu, hasil rujukan itu diperbaharui dan dibuktikan semula. Selain itu, dapat lahirkan tokoh dalam bidang bahasa. Juga, para ilmuan yang dapat menghasilkan banyak inovasi. Baitulhikmah sebagai tempat masyarakat menerima ilmu.

Calon dapat mengemukakan fakta yang betul tetapi tidak mencukupi. Calon sepatutnya menghuraikan fakta tersebut dengan lebih mendalam. Pengulangan fakta hendaklah dielakkan kerana tidak memberi markah tambahan.

Soalan 6 (c)

(c) Keupayaan intelektual penting dalam sesebuah tamadun.

Beri penjelasan anda.

Calon dikehendaki memberi penjelasan berkaitan kepentingan keupayaan intelektual dalam sesebuah tamadun.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

c) Intelektual amatlah penting dalam sesebuah tamadun. Melalui ilmu kita dapat mempelajari bagaimana memina sesebuah bangunan yang kukuh. Sebagai contoh dalam membina masjid atau rumah. Selain itu, intelektual amatlah penting dalam menjadi seorang pemimpin dalam sesebuah tamadun. Sebagai contoh, ketika dalam masalah atau perancangan hukum, pemimpin akan memberi pendapat dengan jelas dan berani. Maka itulah intelektual dalam sesebuah tamadun amat penting serta dapat menjamin ~~negara~~ keamanan dan ekonomi negara.

Seterusnya, kepuyaan intelektual mampu memberi manfaat serta mampu mengubah hidup masyarakat yang dahulunya cetera ilmu pengetahuan. Sebagai contoh hasil usaha Almarhum dan Puan Ramli dan lain-lain berjaya mengubah pemikiran-penduduknya dan adalah terarah dalam membina fikiran pengajian tinggi dan perputaran mampu menghasilkan tokoh-tokoh ilmu yang hebat. Akhir sekali, kepuyaan ini membantu dalam memajukan sesebuah ekonomi. Akhirnya, kehebatan dalam penguasaan ilmu pengetahuan dapat memberi sumbangan yang besar kepada sesebuah tamadun. Sebagai contoh, dapat menarik utasah yang kecil sehingga dapat memformasikan pengaruh besar terhadapnya. Ini terbukti hasil kepuyaan intelektual mampu menjadi pengatur yang besar dalam memajukan dan mengukir sesebuah tamadun.

Calon dapat menilai kepentingan keupayaan intelektual dalam sesebuah tamadun dengan mengemukakan fakta, huraian, huraian lanjut, contoh dan inferens yang sesuai.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

(c) Keupayaan intelektual penting dalam sesebuah tamadun kerana, dengan keupayaan intelektual yang tinggi, seseorang boleh mengubah sesebuah tamadun ke arah yang lebih baik. Hal ini demikian kerana, kebanyakan tamadun awal manusia, dapat memajukan tamadun mereka dari segi sains, semuanya berasaskan ilmu yang ada pada mereka. Keupayaan intelektual juga menunjukkan seberapa matangnya sesebuah tamadun itu.

Konstruk tugas berbentuk penilaian. Calon hanya dapat memberikan fakta serta huraian yang kurang mendalam tanpa memberi contoh dan inferens bersesuaian. Calon seharusnya memberikan fakta, huraian, huraian lanjut, contoh dan inferens bersesuaian.

Soalan 7 (a)

7 Dasar British di Tanah Melayu pada awal abad ke-20 telah menyebabkan pembandaran berlaku.

Sumber: *Malaysian Journal of Environmental Management* 11(2) (2010): 21-31

(a) Mengapakah proses pembandaran berlaku?

Calon dikehendaki menjelaskan proses berlakunya pembandaran di Tanah Melayu pada awal abad ke-20.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

Soalan 7:

a) Proses pambandaran berlaku kerana kekayaan sumber semula jadi dan pertambahan bilangan penduduk. Selain itu, ia juga berlaku disebabkan oleh perkembangan kegiatan perlombongan dan dasar British itu sendiri membangunkan tempat tersebut. Seterusnya, perkembangan sistem perhubungan turut menjadi faktor proses pambandaran berlaku.

Calon dapat mengemukakan sebab proses berlakunya pambandaran di Tanah Melayu pada awal abad ke-20 dengan betul.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

Soalan 7

a) Proses pambandaran berlaku kerana terdapat kemudahan infrastruktur seperti jalan raya. Selain itu, wujud kawasan perlombongan bijih timah ~~kemudian~~ di bandar. Kemudian, kegiatan ekonomi meningkat menyebabkan pendapatan rakyat bertambah. Seterusnya, kemudahan sistem pengangkutan dan perhubungan seperti kereta api. Akhir sekali, penggunaan teknologi ^{modern} ~~met~~ menyebabkan negara berkembang.

Calon dapat mengemukakan tiga sebab proses berlakunya pambandaran di Tanah Melayu pada awal abad ke-20. Calon seharusnya menguasai sebab proses pambandaran berlaku di Tanah Melayu.

Soalan 7 (b)

- (b) Kegiatan ekonomi British telah menyebabkan bandar-bandar baharu muncul.
Buktikan pernyataan tersebut.

Calon dikehendaki membuktikan kegiatan ekonomi British menyebabkan kemunculan bandar baharu.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

b) Antara kegiatan ekonomi yang ditaku dijalankan oleh British ialah kegiatan perlombongan. Hasil daripada perkembangan dalam bidang perlombongan, muncul bandar-bandar^{baharu} seperti Kuala Lumpur dan Seremban. Selain itu, ~~bandar~~ sistem perhubungan turut ~~majesti~~ berkembang dengan giatnya rentetan daripada peningkatan permintaan terhadap barang dagangan seperti getah sawit dan sawit. Seterusnya, ~~peningkatan~~ kemasukan migran dari China dan India turut meningkat dengan banyak kerana dasar British yang menggalakkan kemasukan buah asing ekoran ~~Adapun orang Melayu turut tidak~~ perkembangan kegiatan ekonomi di Tanah Melayu. Orang Melayu malah tidak menghalang kemasukan migran dari China dan India atas sebab ia merupakan hubungan tradisi yang sudah terjalin lama.

Calon berjaya menganalisis dan membuktikan dengan tepat berkaitan kegiatan ekonomi British yang telah menyebabkan kemunculan bandar baharu.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

(b) Kegiatan ekonomi British yang telah menyebabkan bandar-bandar baru muncul ialah dari segi kegiatan pertambangan bijih timah. Contohnya di Kuala Lumpur dan Taiping. Selain itu, kegiatan petroleum juga telah menyebabkan munculnya bandar-bandar baru. Di samping itu, terdapat juga kegiatan pertanian. Contohnya di Kedah. Aktiviti pertanian ini juga menjadi salah satu faktor yang menyebabkan bandar-bandar baru muncul. Aktiviti pembukaan jalan raya dan pengangkutan juga menjadi salah satu faktor yang menyebabkan munculnya bandar-bandar baru.

Calon hanya mampu mengemukakan sebahagian fakta mengikut kehendak tugas. Setiap fakta sepatutnya dihuraikan beserta dengan contoh yang relevan.

Soalan 7 (c)

- (c) Adakah proses pembedaan yang berlaku pada awal abad ke-20 memberi faedah kepada penduduk peribumi?

Beri hujah anda.

Calon dikehendaki memberi hujah mengenai proses pembedaan pada awal abad ke-20 dapat memberi faedah kepada penduduk peribumi.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

c) Tidak, kerana proses pambandaran banyak mengurangkan hak sepatutnya penduduk peribumi ^{penduduk peribumi pengek} ~~peribumi~~ contohnya hasil sumber semula jadi ~~peribumi~~ turut dinikmati oleh buruh asing. Selain itu, perubahan yang dibawa oleh British terjadi akibat proses pambandaran pambandaran seperti kewujudan pertanian komersial sedikit sebanyak memberi mungkin memberi tekanan kepada penduduk peribumi kerana terpaksa mengubah teknik serta pangurusan pertanian yang sudah sedia mahir. Hal ini boleh mendorong ke arah pembarontakan penduduk peribumi. Di samping itu, peningkatan penduduk & membawa bahan kepada penduduk peribumi. Ikutan ketidakcukupan bekalan air bersih & sebab terpaksa dengan perkongsi antara penduduk peribumi ^{dengan} ~~daripada~~ imigran China serta India, penduduk peribumi turut terdedah kepada wabak penyakit yang berbahaya. Perkara ini tidak mendatangkan faedah langsung.

Calon dapat memberikan alasan yang relevan bagi menyokong pendirian tersebut dengan lengkap.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

c) Proses pambandaran yang berlaku pada awal abad ke 20 memberi faedah kepada penduduk peribumi dengan mengaik taraf kampung-kampung kecil dengan membina baki-baki, dewan dan surau. Selain itu taraf hidup rakyat juga meningkat kerana terdapat banyak peluang pekerjaan yang disediakan. Seterusnya peningkatan taraf kesihatan dengan adanya hospital-hospital kerajaan di bandar mahupun diluar bandar. Hasil sumber bahan mentah juga dikongsi bersama.

Calon hanya mampu menyatakan pendirian dan mengemukakan empat fakta tanpa huraian. Calon seharusnya mengemukakan fakta berserta huraian bagi memenuhi kehendak tugas.

Soalan 8 (a)

- 8 Pembinaan negara bangsa merupakan matlamat utama sesebuah negara dan boleh dianggap sebagai kemuncak kejayaan bagi sesebuah negara. Wawasan 2020 menekankan terhadap keperluan wujudnya bangsa Malaysia yang mantap.

Sumber: <http://journalarticle.ukm.my>

- (a) Jelaskan konsep :
(i) negara
(ii) bangsa

Calon dikehendaki menjelaskan konsep negara dan bangsa.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

8 (a) i. Konsep negara merupakan gabungan semua negeri di bawah satu sebuah pemerintahan. seterusnya, ketua negara mempunyai kuasa tertinggi dan rakyat perlu mempunyai kesetiaan terhadap raja dan negara.

- (i) Calon dapat menjelaskan konsep negara dengan tepat.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

8 (a) i. Konsep negara ialah mempunyai negeri atau bandar kecil yang digabungkan menjadi sebuah negara serta mempunyai seorang pentadbir.

Calon hanya dapat menjelaskan satu daripada konsep negara. Calon sepatutnya menguasai konsep tersebut.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

ii. Konsep bangsa merujuk kepada setumpuan manusia yang mempunyai kewarganegaraan sama. Masyarakat sesuatu bangsa adalah sama dari segi bahasa, adat istiadat.

- (ii) Calon dapat menjelaskan konsep bangsa dengan tepat.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

8 (a) ii) Bangsa ialah satu kumpulan yang manusia yang tinggal di petempatan yang sama dan di bawah pentadbiran yang sama.

Calon hanya dapat menjelaskan satu daripada konsep bangsa. Calon sepatutnya menguasai konsep tersebut.

Soalan 8 (b)

(b) Bagaimanakah negara dan bangsa Malaysia dibentuk?

Calon dikehendaki menerangkan cara negara dan bangsa Malaysia dibentuk.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

8 (b) Negara dan bangsa Malaysia dibentuk melalui permuafakatan antara kaum. Pemimpin daripada berlainan kaum bekerjasama untuk ~~mewu~~ membentuk negara dan bangsa ~~ke~~ Malaysia. Contohnya, sistem ~~ahli~~ Ahli yang dibentuk melibatkan semua kaum iaitu Cina, India dan Melayu. Seterusnya, pakatan murni juga melibatkan usaha semua kaum. ~~Contohnya~~ Sebagai contoh, penubuhan CC merupakan salah satu usaha yang menjadi titik permulaan perpaduan antara kaum. Di samping itu, sikap tolak ansur ~~antar~~ antara pemimpin juga ~~menye~~ membentuk negara dan bangsa ~~Malaysia~~ Malaysia. Contohnya, sikap tolak ansur pemimpin apabila ~~metu~~ menyatupadukan semua kaum. Mereka menggunakan ~~beberapa cara~~ mengambil beberapa langkah seperti Sistem Ahli dan Pakatan Murni. Selain itu, mereka juga tidak mengamalkan amalan realpolitik untuk membentuk negara dan bangsa Malaysia ~~dan~~ dan juga tiada peperangan ~~dan~~ serta tidak berlaku pertumpahan darah. Contohnya, mereka telah mengadakan demonstrasi secara aman, ~~menulis~~ menghantar surat bantahan dan menulis akhbar seperti Majlis, Warta Negara dan utusan Melayu apabila menentang Malayan Union. Akhirnya, negara dan bangsa Malaysia dibentuk melalui perlembagaan yang menjamin keamanan dan kesejahteraan rakyat.

Calon dapat menerangkan cara pembentukan negara dan bangsa Malaysia dengan tepat.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

b Negara dibentuk melalui persekutuan Tanah Melayu semua kaum melalui pakatan murni. Hal ini kerana persekutuan Tanah Melayu berusaha mendapatkan kemerdekaan setelah lama dijajah. Contohnya Tengku Abdul Rahman berusaha berunding dengan British di London untuk mendapat kemerdekaan di Tanah Melayu.

Selain itu, bangsa Malaysia dapat dibentuk melalui pakatan murni. Hal ini kerana semua kaum Melayu, Cina dan India bersatu untuk menjalankan perpaduan melalui pilihanraya untuk kemerdekaan negara. Oleh itu hasil daripada kerjasama ini terbentuk bangsa Malaysia sehingga kini.

Calon dapat menerangkan sebahagian daripada kehendak tugas. Calon seharusnya mengemukakan fakta berserta huraian bagi memenuhi kehendak tugas.

Soalan 8 (c)

(c) Wawasan 2020 merupakan gagasan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju mengikut acuan sendiri.

Sejauh manakah gagasan tersebut dapat memantapkan negara dan bangsa Malaysia?

Calon dikehendaki menyatakan pandangan tentang Wawasan 2020 dapat memantapkan negara dan bangsa Malaysia.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

8(c) Gagasan tersebut dapat memantapkan negara dan bangsa Malaysia dengan menyatupadukan rakyat Malaysia. Perpaduan antara kaum seperti Cina, India dan Melayu telah dipertukuh dan hidup bersatu padu agar menjamin keamanan negara. Seterusnya, ekonomi negara meningkat dan politik negara menjadi stabil. Gagasan tersebut mewujudkan sistem pemerintahan yang adil dan sistematik. Di samping itu, ia dapat mewujudkan masyarakat yang berpendidikan tinggi dan berkemahiran ICT. Teknologi yang baharu telah dicipta bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat dan negara. Selain itu, masyarakat yang beretika dan bermata bermal dari segi ~~ama~~ agama dan adat dapat diwujudkan. Akhirnya, hak rakyat dapat diindungi dan keselamatan negara terjamin.

Calon dapat menilai keupayaan Wawasan 2020 dalam memantapkan negara dan bangsa Malaysia dengan tepat.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

Gagasan ini dapat memantapkan negara dan bangsa Malaysia tanpa mengikut acuan negara lain. Kerana negara luar dapat mengenal pasti asal usul negara kita dengan lebih terperinci kerana kita menggunakan acuan kita sendiri. Hal ini juga dapat menantangkan lagi hubungan dengan negara-negara besar seperti Korea Selatan dan Amerika Syarikat. Seterusnya, daripada segi ekonomi pula, negara kita akan lebih berkembang maju. Kerana kita dikenali banyak negara dengan sikap yang baik.

Calon hanya berupaya mengemukakan sebahagian fakta dengan huraian yang kurang mantap. Calon sepatutnya mengemukakan fakta berserta huraian bagi memenuhi kehendak tugas.

Soalan 9 (a)

9 Selepas Jepun menyerah kalah pada tahun 1945, British berusaha untuk memperkukuh cengkaman terhadap Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah.

(a) Bagaimanakah British bertindak untuk memperkukuh kuasa mereka di wilayah tersebut selepas kekalahan Jepun?

Calon dikehendaki menerangkan cara British mengukuhkan kuasa mereka selepas kekalahan Jepun di Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

Soalan 9

a) British bertindak untuk memperkukuh kuasa mereka di wilayah tersebut Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah dengan cara memperkenankan Malayan Union. Pengerahan Malayan Union adalah untuk melatih Tanah Melayu untuk berkerajaan sendiri. Selain itu, British juga mengkat politik orang-orang Melayu. Bangsa Malayan Union juga dibentuk melalui kerakyatan jus soli. Di samping itu, British juga menyatukan negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dan 2 buah negeri-negeri Selat di bawah satu pemerintahan bagi menjimatkan kos. Selain itu, raja-raja Melayu hanya menguruskan hal-hal agama hal ehwal agama negeri.

Calon dapat menerangkan dengan betul cara British mengukuhkan kuasa mereka selepas kekalahan Jepun di Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

(a) British bertindak untuk memperkukuh kuasa mereka di wilayah tersebut selepas kekalahan Jepun adalah dengan menghapuskan parti politik yang menyokong pemerintahan Jepun. Selain itu, British mahu menubuhkan kerajaan Malayan Union dimana ia mempunyai muslihat untuk menja menghapuskan kerajaan dan bangsa Melayu. dan membuka kerakyatan jus soli

Calon hanya berupaya mengemukakan sebahagian daripada kehendak tugasan. Calon seharusnya menguasai fakta berserta huraian bagi memenuhi kehendak tugasan.

Soalan 9 (b)

- (b) Terangkan reaksi penduduk tempatan terhadap tindakan British di wilayah tersebut.

Calon dikehendaki menerangkan reaksi penduduk tempatan terhadap tindakan British di Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

b) Reaksi penduduk tempatan terhadap tindakan British yang memperkenalkan Malayan Union adalah ada yang menentang dan sebahagian yang lain menyokong. Kebanyakan orang Melayu menentang Malayan Union. Mereka melakukan demonstrasi secara besar-besaran di Kota Bharu, Kelantan. Selain itu, mereka juga berketeguhan bagi membantah pengenalan Malayan Union. Seterusnya, mereka juga membantah melalui akhbar, radio, novel dan majalah. Mereka membantah apabila pihak British memaksa Raja-Raja Melayu menandatangani perjanjian Malayan Union selain tertubuhnya United Malay Organisation (U.M.O). Manakala sebahagian yang lain yang menyokong Malayan Union terdiri daripada orang dagang, Parti Kesatuan Melayu Malaya (PKMM), Parti INSAN, BAKAS dan ramai lagi. Sebahagian mereka percaya bahawa British ada suatu kuasa besar yang mampu membentuk Tanah Melayu.

Calon berupaya mengemukakan dengan tepat reaksi penduduk tempatan yang menyokong dan menentang tindakan British di Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

b) Reaksi penduduk tempatan terhadap British di wilayah tersebut adalah berlakunya penentangan di Tanah Melayu, penentangan berlaku pada tahap pertama dan kedua. Pada tahap pertama penentangan berlaku bersifat secepat dan tanpa organisasi politik yang kukuh. Penentangan ini dipimpin oleh golongan pendidikan Inggeris-

Matlamat penentangan adalah supaya pihak British mengembalikan hak-hak dan tidak menuntut kemerdekaan. Penentangan pada tahap pertama adalah gagal.

Penentangan pada tahap kedua, bercorak politik dan bersifat menyeluruh. Penentangan ini dipimpin oleh golongan berpendidikan dan berpegetahuan dalam bidang pentadbiran.

Matlamat perjuangan adalah untuk mencapai kemerdekaan. Selain itu, penentangan di Sabah dan Sarawak pada mulanya hanya melibatkan sebilangan penduduk.

Misalnya, penduduk mengadakan demonstrasi secara aman. Contohnya, melibatkan kaum ibu. Tokoh yang menentang adalah Rosli Dhobi. Buktiya, dia telah menikam Residen British iaitu Frank iaitu gabenor pertama di Sarawak

Calon berupaya mengemukakan sebahagian daripada reaksi penduduk tempatan yang menentang tindakan British di Tanah Melayu dan Sarawak.

Soalan 9 (c)

(c) Mengapakah kuasa Barat berminat untuk meneruskan penguasaan terhadap wilayah-wilayah tersebut?

Calon dikehendaki menyatakan sebab kuasa barat berminat meneruskan penguasaan terhadap Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

c) Kuasa Barat berminat untuk meneruskan penguasaan terhadap wilayah-wilayah tersebut kerana dapat mengeksploitasi ekonomi Tanah Melayu. Selain itu, mereka dapat melindungi pentadbiran mereka. Di samping itu, British mahu mengikis kuasa Parti Komunis Malaya. Tambahan pula, ^{kedudukan} wilayah-wilayah tersebut berada sangat strategik yang mampu mewujudkan pasaran baru. Sekiranya, kekayaan bahan mentah seperti emas, timah dan getah menjadi faktor kuasa Barat menguasai wilayah tersebut. Selain itu, perkembangan dalam sistem pengangkutan dan perhubungan. Terusan Suez memudahkan dan mempercepatkan masa ~~selain~~ selain penggunaan telegraf memudahkan perhubungan.

Calon dapat menyatakan sebab kuasa barat berminat meneruskan penguasaan terhadap Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah beserta huraian yang mendalam.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

(c) Kuasa Barat berminat kerana wilayah-wilayah tersebut mempunyai harta atau ~~barang~~ barangan hiasan untuk dirampas bagi kepentingan tertentu. Antara barangan yang selalu dirampas adalah bijih timah. Oleh kerana wilayah-wilayah tersebut terdapat pelbagai barangan ~~atau~~ mewah atau sebaliknya hal inilah yang menyebabkan kuasa Barat berminat untuk ~~men~~ meneruskan penguasaan. Kedudukan yang strategik juga menarik minat kuasa Barat serta kekayaan hasil bumi.

Calon dapat menyatakan sebahagian daripada kehendak tugas. Sepatutnya isi yang disenaraikan dihurai secara mendalam.

Soalan 10 (a)

- 10 (a) Jelaskan matlamat:
(i) Dasar Pertanian Negara
(ii) Dasar Kependudukan

Calon dikehendaki menjelaskan matlamat penggubalan Dasar Pertanian Negara dan matlamat penggubalan Dasar Kependudukan.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

10 (a) i. ^{Negara} Matlamat Dasar Pertanian adalah untuk meningkatkan kadar pendapatan petani dalam pertanian dan membangunkan kawasan pertanian yang berproduktiviti rendah. Dasar Pertanian Negara juga membantu pembukaan pasaran secara meluas dan mengawal komoditi pertanian.

Calon dapat menjelaskan dengan tepat matlamat penggubalan Dasar Pertanian Negara.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

10 a) Matlamat Dasar Pertanian ialah meningkatkan hasil pertanian.

Calon hanya dapat menjelaskan satu daripada matlamat penggubalan Dasar Pertanian Negara. Calon perlu menguasai matlamat berkenaan.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

ii. Matlamat Dasar Kependudukan adalah untuk menjamin keselamatan negara dan menyumbang ke arah kekuatan politik. Selain itu, dasar kependudukan juga bermatlamat untuk melahirkan tenaga pekerja dan mempunyai pasaran yang luas.

Calon dapat menjelaskan dengan tepat matlamat penggubalan Dasar Kependudukan.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

aii) Dasar kependudukan bertujuan untuk mengawasi 70 juta penduduk pada tahun 2000.

Calon hanya dapat menjelaskan satu daripada matlamat penggubalan Dasar Kependudukan. Calon hendaklah menguasai matlamat tersebut.

Soalan 10 (b)

- (b) Terangkan strategi kerajaan untuk mencapai matlamat:
(i) Dasar Pertanian Negara.
(ii) Dasar Kependudukan

(i) Calon dikehendaki menerangkan strategi kerajaan untuk mencapai matlamat Dasar Pertanian Negara dan Dasar Kependudukan..

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

lp (b) i.	Strategi kerajaan untuk mencapai matlamat tersebut
	Dasar Pertanian Negara adalah kerajaan memperkenalkan pembangunan in-situ untuk memulihkan kawasan sedia sedia ada yang berproduktifiti rendah. Seterusnya, kerajaan menyediakan modal yang besar untuk me dan membantu penubuhan tanah secara besar-besaran. ^{Selain itu,} Seterusnya, penubuhan RIOA ^{KIOA} untuk menyediakan kemudahan asas bagi pertanian. & Akhirnya, memberi bantuan kepada petani kecil untuk meningkatkan pendapatan mereka.

Calon dapat menjelaskan strategi kerajaan untuk mencapai matlamat Dasar Pertanian Negara dengan tepat.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

(b) (i)	Strategi kerajaan untuk mencapai matlamat bagi dasar pertanian Negara ialah membina pengairan yang baik untuk tanaman. Selain itu, mencari tanah yang subur untuk menanam tanaman. Seterusnya, ketinggian biji benih dan sebagainya mencukupi. Di samping itu menjaga tanaman daripada haiwan perasas. Akhir sekali, mengumpul hasil tanaman ke luar negara bagi mendapat keuntungan.
---------	---

Calon hanya dapat menjelaskan sebahagian daripada strategi kerajaan untuk mencapai matlamat Dasar Pertanian Negara. Calon hendaklah menguasai dan memahami strategi kerajaan bagi mencapai matlamat tersebut.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

10.b) ii) Strategi kerajaan untuk mencapai matlamat Dasar Kependudukan ialah merangsang kadar pertumbuhan penduduk sebaras dengan pembangunan negara dari segi ekonomi, politik dan sosial. Strategi lain ialah meningkatkan taraf hidup rakyat dengan menyediakan banyak peluang pekerjaan.

Calon dapat menjelaskan strategi kerajaan bagi mencapai matlamat Dasar Kependudukan dengan tepat.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

Strategi kerajaan untuk mencapai matlamat dasar Kependudukan ialah dengan menjadikan penduduk ini hidup dalam keadaan aman. Seterusnya dengan menyifatkan penduduk hidup dalam keadaan yang serba mencukupi.

Calon hanya dapat menjelaskan satu daripada strategi kerajaan untuk mencapai matlamat Dasar Kependudukan. Calon perlu menguasai matlamat tersebut.

Soalan 10 (c)

- (c) Jika matlamat kerajaan dalam kedua-dua dasar tersebut tercapai sepenuhnya, bagaimanakah keadaan negara dan bangsa Malaysia?

Calon dikehendaki meramalkan keadaan negara dan bangsa Malaysia seandainya matlamat kerajaan dalam Dasar Pertanian Negara dan Dasar Kependudukan tercapai sepenuhnya.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

10 (c)	Keadaan negara dan bangsa Malaysia jika matlamat dalam kedua-dua dasar tersebut tercapai sepenuhnya adalah dapat akan meningkatkan pamasaran negara ekonomi negara. Apabila ber sebagai contohnya, apabila berlaku pertambahan penduduk, peluang pekerjaan akan meningkat, oleh itu, sebagai contoh, apabila berlaku pertambahan penduduk, negara dapat menjamin pasaran yang luar. Pada masa yang sama, negara juga boleh mengeksport barang ke luar negara supaya ekonomi negara tejamin. Seterusnya, kegiatan pertanian secara besar-besaran juga meningkatkan ekonomi negara. Contohnya, negara kita boleh mengeksporti mengekspor beras ke atau sayur-sayuran ke luar negara. Di samping itu, pertambahan penduduk dapat menjamin keselamatan negara agar dilinda dengan melindungi daripada ancaman kuasa besar. Selain itu, pertambahan penduduk juga men ^{akan} membentuk sistem politik yang stabil. Selanjutnya, tant pertambahan penduduk juga menyediakan peluang pekerjaan yang banyak agar taraf hidup masyarakat meningkat. Akhirnya, kegiatan pe ^{pe} ativiti pertanian secara besar-besaran dapat menjamin bekalan makanan yang berterusan kepada penduduk negara kita.
--------	---

Calon dapat meramalkan keadaan yang akan berlaku kepada negara dan bangsa Malaysia sekiranya kedua-dua dasar tersebut tercapai sepenuhnya dengan fakta, huraian dan contoh yang sesuai.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

c) Jika kedua-dua matlamat tersebut digapai keadaan negara dan bangsa Malaysia akan mengalami pertumbuhan penduduk. Sektor pertanian akan berkembang maju dan ekonomi negara akan bertambah setaranya tidak berlaku pengangguran serta banyak pekerjaan disediakan.

Calon dapat meramalkan tiga situasi yang akan berlaku kepada negara dan bangsa Malaysia sekiranya kedua-dua dasar tersebut tercapai sepenuhnya. Calon hendaklah memberi huraian yang mendalam dan contoh yang berkaitan serta beri inferens yang sesuai.

Soalan 11 (a)

- 11 Objektif dasar luar Malaysia adalah untuk menangani perkembangan dan cabaran di pentas dunia dan memupuk hubungan baik dan erat dengan negara-negara lain.

Sumber: <https://pmo.gov.my>

- (a) Terangkan asas penggubalan dasar luar Malaysia.

Calon dikehendaki menerangkan asas penggubalan dasar luar Malaysia.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

soalan 11

a) Asas penggubalan dasar luar bandar ialah sejarah iaitu setelah merdeka, Malaysia menyertai Komonwel dan asas ekonomi iaitu dasar pandang ke timur untuk menggalakan pelaburan dari Jepun. Selain itu, asas geografi iaitu Malaysia bersempadan dengan negara di rantau ini seperti Singapura dan asas demografi iaitu menentang dasar apartheid.

Calon dapat menerangkan asas penggubalan dasar luar Malaysia dan memenuhi kehendak tugasan.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

Soalan 11

a) Asas penggubalan dasar luar Malaysia adalah untuk ^{negara dalam} ~~mengharmonikan~~ keadaan harmoni. Selain itu, negara dalam ^{keadaan} ~~keadaan~~ yang selamat. Selain itu, negara mahu menghapuskan ancaman komunis. Negara perlu mewujudkan hubungan dengan negara dunia, dan hubungan dengan pertubuhan serantau. Selain itu, untuk mendaulatkan negara bangsa. Negara juga mahu memastikan keamanan daripada sebarang ancaman.

Calon memberikan sebahagian daripada kehendak tugas. Jawapan yang dikemukakan adalah bersifat umum sahaja. Calon hendaklah menguasai faktor-faktor asas penggubalan dasar luar negara kita.

Soalan 11 (b)

(b) Bagaimanakah dasar luar Malaysia dilaksanakan untuk mencapai objektif dalam pernyataan di atas?

Calon dikehendaki menerangkan cara dasar luar Malaysia dilaksanakan untuk menangani perkembangan dan cabaran di pentas dunia serta memupuk hubungan baik dengan negara lain.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

b) Dasar luar Malaysia dilaksanakan untuk mencapai objektif dalam pernyataan ~~di~~ di atas ialah pro-barat yang antikomunis. Selain itu, dasar luar Malaysia dilaksanakan kerana ancaman komunis oleh PRC dan menentukan bantuan pertolongan serta menandatangani perjanjian AMPA. Oleh itu, dasar luar Malaysia yang berkesan dan berjaya-baja dengan negara luar kerana kurangnya perkhidmatan AMPA di Timur dan pergolakan yang berlaku di Vietnam serta menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara komunis. Di samping itu, dasar luar Malaysia yang menekankan kepentingan ekonomi dengan ^{hubungan} ~~berkaitan~~ yang erat dengan ASEAN dan ~~ke~~ dasar pandang ke Timur yang menjadikan Korea dan Jepun sebagai model serta menentukan hubungan perdagangan dengan negara maju.

Calon dapat menerangkan dengan tepat cara dasar luar Malaysia dilaksanakan untuk menangani perkembangan dan cabaran di pentas dunia.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

(b) Dasar luar Malaysia dilaksanakan dalam tiga tahap.

Tahap pertama dilakukan oleh Tunku Abdul Rahman dengan dasar sikap pro-Barat dan antikomunis.

Tambahan pula, Malaysia menyertai ^{persatuan} negara-negara komunal kita yang pernah menjadi jajahan British. Lantaran itu, Malaysia mengukuhkan ketergantungan kepada negara-negara besar seperti Amerika dan British.

Tahap kedua dilaksanakan oleh Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn. Malaysia menubuhkan ZOPFAN dan menyertai ASEAN.

Tahap ketiga dilaksanakan oleh Tun Dr. Mahathir dengan Dasar Pambang ke Timur iaitu seperti negara Korea dan Jepun.

Calon dapat menerangkan sebahagian daripada kehendak tugas. Sehubungan itu, calon perlu menerangkan isi, huraian, contoh dan cara dasar luar Malaysia dilaksanakan untuk menangani perkembangan dan cabaran di pentas dunia.

Soalan 11 (c)

(c) Negara perlu menangani perkembangan dan cabaran di pentas dunia serta memupuk hubungan baik dan erat dengan negara-negara lain.

Sejauh manakah tindakan dalam pernyataan di atas penting terhadap negara?

Calon dikehendaki membuat penilaian terhadap kepentingan negara Malaysia dalam menangani perkembangan dan cabaran di pentas dunia serta memupuk hubungan baik dengan negara lain.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

c) Tindakan dalam ~~menyatakan~~ pernyataan di atas penting terhadap negara bagi menjamin kelangkaan ekonomi dengan negara lain dan menjamin keselamatan negara dan rakyat. Oleh itu, sebuah negara perlu menghormati kedaulatan negara lain agar tidak terkejutnya peperangan. Kerananya, negara tersebut akan turut dihormati. Selain itu, tindakan tersebut penting ~~terasa~~ ^{untuk} mengekalkan keamanan dalam negara. ^{hubungan} ~~dan~~ seterusnya, negara perlu memupuk ~~hubungan~~ ^{hubungan} baik dengan ~~negara~~ ^{negara} lain agar dapat memelihara imej negara daripada ~~tercemar~~ ^{perubahan}. Contohnya, memberi bantuan ~~terutama~~ ^{kepada} negara ~~yang~~ ^{yang} memerlukan seperti Malaysia mengantar pasukan perubahan ke Lubnan. Kerananya, negara Malaysia akan menjadi kumpulan negara lain untuk ~~berurusan~~ ^{berurusan} kerana Malaysia menjadi golongan global yang bertanggungjawab. Oleh itu, aman dan makmurlah negara Malaysia di samping hubungan yang baik dengan semua negara.

Calon dapat menilai kepentingan menangani perkembangan dan cabaran di pentas dunia serta memupuk hubungan baik dengan negara lain terhadap Malaysia. Calon dapat mengemukakan hujah serta huraian dengan mendalam.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

(c) Keabadian negara akan aman kerana Malaysia menjalinkan hubungan diplomatik dengan menjaga hubungan baik. Kesannya, negara luar berminat dengan negara kita. Contohnya, seperti bisnis yang ditaja oleh negara Kolombia. Selain itu, negara kita akan aman dan harmoni kerana negara lain menyumbang dan ketenteraan.

Calon hanya dapat mengemukakan sebahagian kehendak tugas dengan fakta tanpa huraian yang mendalam. Calon hendaklah menjelaskan setiap isi dengan huraian yang mendalam disertakan dengan contoh yang relevan.

3.3 CADANGAN/SYOR BAHAGIAN B

3.3.1 Calon

- a) Ketika menjawab soalan-soalan di bahagian B, calon disarankan menjawab soalan yang boleh menjamin pemerolehan markah yang maksimum kepada calon terlebih dahulu dan bukannya mengikut urutan nombor soalan yang dipilih.
- b) Jawapan calon sebaik-baiknya haruslah dibuat dalam bentuk perenggan dengan ayat yang lengkap serta gramatis terutamanya bagi soalan esei. Setiap isi seharusnya dihuraikan secara lengkap dengan mengemukakan contoh-contoh yang sesuai.
- c) Calon digalakkan menulis menggunakan laras bahasa yang mudah difahami dan gramatis. Tulisan calon perlulah bersih dan senang dibaca oleh pemeriksa. Ini memudahkan pemeriksa untuk mengenal pasti fakta, huraian, contoh dan bukti yang dikemukakan calon dalam jawapannya.
- d) Bagi menjawab soalan-soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), calon perlu memahirkan diri dengan soalan berbentuk KBAT kerana biasanya soalan KBAT diperuntukkan markah yang agak banyak. Isu-isu semasa perlu dikuasai oleh calon bagi memudahkan calon menjawab soalan-soalan KBAT. Calon juga perlu berusaha untuk mengeluarkan idea yang bernas bagi menjawab soalan KBAT.

3.3.2 Guru

- a) Pengajaran dan pembelajaran perlu meliputi keseluruhan tema dan tajuk yang terdapat dalam sukatan mata pelajaran. Guru perlu memastikan calon menguasai setiap tajuk yang terdapat dalam buku teks Sejarah tingkatan 4 dan tingkatan 5.
- b) Pelajar perlu didedahkan dengan teknik menjawab soalan yang betul dan tepat. Oleh itu, bagi jawapan soalan bahagian B, guru perlu memastikan pelajar menggunakan sistem perenggan sewaktu mengarang jawapan dan menulis nombor dan pecahan soalan.
- c) Guru perlu memastikan pelajar tidak menjawab soalan dalam bentuk 'point form' kerana jawapan dalam bentuk tersebut akan dihukum.
- d) Guru hendaklah merancang pengajaran dan pembelajaran dengan baik serta menyelesaikan sukatan mata pelajaran secepat mungkin supaya ulang kaji dan latih tubi yang berkesan dapat dilaksanakan dengan berkesan.
- e) Guru mestilah mengajar berdasarkan pendekatan berpusatkan murid dan tidak berpusatkan guru. Guru perlu mengenal pasti kelemahan calon supaya kelemahan tersebut dapat diperbaiki.
- f) Guru perlu menjadikan subjek Sejarah sebagai satu subjek yang menyeronokkan dan cuba tingkatkan minat pelajar terhadap subjek ini menerusi kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menarik. Sehubungan itu, guru boleh menggalakkan pelajar melaksanakan proses penemuan dan penyiasatan sendiri bagi mencari maklumat-maklumat yang berkaitan dengan sejarah.
- g) Guru seharusnya memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan soalan yang berbentuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) seawal di tingkatan satu lagi. Ini membolehkan calon mengaplikasikan kaedah menjawab soalan-soalan KBAT dalam setiap peperiksaan di peringkat sekolah bagi mengenal pasti tahap penguasaan calon.
- h) Guru seharusnya melatih pelajar kaedah untuk menyampaikan huraian fakta secara berlapis-lapis atau selengkapnya terhadap setiap fakta yang dikemukakan oleh calon terutamanya untuk soalan esei.

PENGHARGAAN

PENASIHAT:

DATO' HJ. PKHARUDIN BIN HJ. GHAZALI

PENGERUSI:

DR. IBRAHIM BIN MOHAMED ZIN

URUS SETIA:

PUAN HJH. JURAIDA BINTI UMAT

DR. HABIBAH BINTI MAT REJAB

PUAN SITI ASMAH BINTI MD YUSOF

PUAN NOR ZULAIKHA BIN CHE MAT

ENCIK HAPIZI BIN MISKAM

EDITOR:

ENCIK MOHD FATHI BIN ADNAN (KETUA EDITOR)

ENCIK MOHD RIDZUAN BIN IDRIS (PEN. KETUA EDITOR)

PUAN NORAZAH BINTI BIDI

CIK FAIZAH BINTI SAMAD

ENCIK KHAIRILL HELME BIN RAMLI

PANEL PENULIS:

KP & KPB BAHASA MELAYU KERTAS 1

KP & KPB BAHASA MELAYU KERTAS 2

KP & KPB BAHASA INGGERIS KERTAS 1

KP & KPB BAHASA INGGERIS KERTAS 2

KP & KPB SEJARAH KERTAS 2

KP & KPB MATEMATIK KERTAS 2

KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN KERTAS 1

KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN KERTAS 2